



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI**  
**BILANGAN 6/2017**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN-PERATURAN YANG MENGAWAL LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN SEBERANG LAUT (LDPSL) BAGI PEGAWAI-PEGAWAI/KAKITANGAN UNTUK MENGIKUTI:

- A. PROGRAM LATIHAN JANGKA PANJANG
- B. PROGRAM YANG DITAJA OLEH PIHAK PENGANJUR ATAU BADAN LAINNYA  
(PINDAAN)

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa kemudahan-kemudahan dan elaun-elaun Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut (LDPSL) yang dikawal melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 10/2006 adalah dipinda seperti berikut:

**1.0 Mengikuti Program Latihan Jangka Panjang**

**1.1 Tafsiran**

- 1.1.1 Program latihan jangka panjang yang dimaksudkan adalah bagi program yang dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan yang dihantar berkursus, menjalani latihan atau mengikuti pengajian di luar negeri yang melebihi tiga puluh (30) hari atau satu sesi akademik yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; dan
- 1.1.2 Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang dimaksudkan adalah semua warga Perkhidmatan Awam termasuk Biro Mencegah Rasuah, Biro Kawalan Nakotik, Jabatan Penyelidikan Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

**1.2 Kuasa Membenarkan**

- 1.2.1 Semua sokongan untuk menghadiri program latihan jangka panjang ini hendaklah dihadapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri;



- 1.2.2 Jabatan Perkhidmatan Awam hendaklah meneliti setiap permohonan dan menghadapkan sokongan kepada Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri bagi pertimbangan dan kebenaran;
- 1.2.3 Keahlian Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan adalah seperti berikut:

Pengerusi:

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Timbalan Pengerusi:

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Ahli-Ahli:

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (bertanggungjawab dalam hal ehwal Perkhidmatan Awam)

Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (Tenaga dan Industri)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

*\*Ahli-Ahli Badan dikehendaki menghadiri mesyuarat dan tidak boleh diwakilkan.*

- 1.2.4 Urusetia:

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Jabatan Perkhidmatan Awam

- 1.2.5 Tanggungjawab Urusetia

- 1.2.5.1 Mengurus mesyuarat Badan;
- 1.2.5.2 Mewujudkan jaringan luar Negara bagi penempatan kursus/latihan;
- 1.2.5.3 Memantau secara langsung kemajuan pegawai di bawah LDP; dan
- 1.2.5.4 Mewujudkan infrastruktur ujian/temuduga bagi calon LDP.



- 1.4.4 Program latihan / kursus / pengajian hendaklah dikendalikan oleh institusi pengajian terkemuka di luar negeri yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan tersenarai dalam 'ranking' yang ditetapkan dari masa kesemasa;
- 1.4.5 Bagi kepentingan yang sama, pegawai / kakitangan LDPSL yang disokong menjalani pengajian Ijazah Sarjana (Master) atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) hendaklah mengikuti program pengajian yang berkait rapat dengan tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakannya;
- 1.4.6 Pegawai-pegawai LDPSL yang disokong menjalani pengajian Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) adalah dikehendaki menjalani temuduga oleh Jawatankuasa Kerja Penilai Ph.D, Jabatan Perkhidmatan Awam;
- 1.4.7 Pegawai / kakitangan Kerajaan di bawah Skim LDPSL ini adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (*General Orders*) dan lain-lain peraturan yang dikuatkuasakan; dan
- 1.4.8 Pegawai / kakitangan yang gagal menamatkan mana-mana program latihan / kursus / pengajian dalam satu tempoh sesi akademik yang ditetapkan, bonus tidak akan diberikan. Pada masa yang sama, Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan (BMLDP) akan mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian dari masa ke semasa.

## 1.5 Tempoh Kursus

- 1.5.1 Tempoh program latihan / kursus / pengajian ialah satu sesi akademik maksima sehingga tiga (3) tahun dan tertakluk kepada keperluan rasmi program yang diikuti;
- 1.5.2 Program latihan / kursus / pengajian yang melebihi tiga (3) tahun ini bolehlah dipertimbangkan jika ianya benar-benar keperluan program yang diikuti, pada misalnya, pengajian ijazah pertama yang memerlukan empat tahun program pengajian, program latihan pakar-pakar perubatan dan seumpamanya; dan
- 1.5.3 Pegawai / kakitangan yang tidak dapat menyelesaikan pengajian dalam tempoh kebenaran awal adalah dikira sebagai gagal menamatkan program latihan / kursus / pengajian yang diikuti.



1.3 Syarat-Syarat dan Peraturan-Peraturan Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut (LDPSL) di dalam Surat Keliling ini ialah *Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh* sahaja bagi:

- 1.3.1 Kursus-kursus *formal* di peringkat Ijazah Pertama/Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D.), kepakaran, ikhtisas atau professional;
- 1.3.2 Pegawai / kakitangan yang dihantar berkursus/mengikuti pengajian seperti penempatan, *secondment (berbentuk latihan)*, latihan industri, kajian akademik, kursus dan latihan yang melebihi tiga puluh (30) hari sebagaimana dikehendaki dalam Skim Perkhidmatan; dan
- 1.3.3 Pegawai / kakitangan Kerajaan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Perkhidmatan Tetap dan berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari dua (2) tahun perkhidmatan;

1.4 Syarat-syarat lain

- 1.4.1 Setiausaha-Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan hendaklah mempastikan pegawai / kakitangan yang disokong untuk mengikuti program latihan / kursus / pengajian selaras dengan keperluan dan rancangan strategik Kementerian / Jabatan;
- 1.4.2 Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan bertanggungjawab mempastikan program latihan / kursus / pengajian yang akan dihadiri oleh pegawai / kakitangan Kementerian / Jabatan berkenaan, akan dapat memberi nilai tambah bagi membantu meningkatkan produktiviti dan efisiensi Kementerian / Jabatan dengan mengambilkira rancangan penggantian (*succession planning*) Kementerian / Jabatan;
- 1.4.3 Pencalonan untuk mengikuti mana-mana program latihan / kursus / pengajian diberikan keutamaan kepada pegawai / kakitangan yang terbaik di dalam bidang masing-masing dan mempunyai potensi tinggi dan *merit* untuk dapat mengikuti program berkenaan dan bukannya atas kehendak atau permohonan pegawai / kakitangan berkenaan;

Kriteria-kriteria am bagi pegawai terbaik **sebagai panduan** sahaja adalah seperti di dalam **LAMPIRAN 1**.



## 1.6 Had Umur

- 1.6.1 Skim memberikan **keutamaan** kepada calon-calon berumur di dalam **lingkungan** 40 tahun ke bawah (perkataan 'lingkungan' memungkinkan pertimbangan ke atas pegawai yang baru melepas umur 40 tahun).
- 1.6.2 Pegawai / kakitangan yang berumur di dalam **lingkungan** 35 tahun ke bawah yang mempunyai kelulusan **penuh akademik** peringkat 'A' atau sebanding yang cemerlang di dalam subjek-subjek strategik akan diberi pertimbangan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama di bawah Skim ini; dan
- 1.6.3 Latihan jangka pendek (melebihi tiga puluh (30) hari, kurang dari setahun akademik dan tidak memberikan kelulusan tambahan) dibukakan kepada pegawai / kakitangan yang berumur hingga 53 tahun.

## 2. Ikat Janji Berkhidmat Dengan Kerajaan

- 2.1 Semua pegawai / kakitangan Kerajaan yang telah tamat mengikuti program latihan / kursus / pengajian di bawah Skim LDPSL akan dikenakan ikatjanji (bond) untuk terus berkhidmat dengan Kerajaan;
- 2.2 Jadual Tempoh Ikatjanji untuk berkhidmat dengan Kerajaan yang baru bagi pegawai / kakitangan yang telah tamat mengikuti program latihan / kursus / pengajian di seberang laut di bawah Skim-Skim Latihan Dalam Perkhidmatan bagi Surat Keliling ini adalah seperti di **LAMPIRAN 2**;
- 2.3 Tempoh ikatjanji berkhidmat dengan Kerajaan bagi pegawai / kakitangan yang telah tamat mengikuti program latihan / kursus / pengajian di seberang laut di bawah Skim-Skim Latihan Dalam Perkhidmatan tertakluk kepada perubahan dari masa kesemasa; dan
- 2.4 Pegawai / kakitangan yang menamatkan perkhidmatannya / bersara awal dan tidak menghabiskan ikat janjinya berkhidmat dengan kerajaan dimestikan membayar balik perbelanjaan kerajaan membiayai program latihan / kursus / pengajian.



### 3.0 Kemudahan-Kemudahan

- 3.1 Pegawai / kakitangan yang menjalani program latihan / kursus / pengajian di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh akan dihulurkan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

#### 3.1.1 Gaji dan Bonus

Gaji diberikan sepanjang tempoh skim LDPSL penuh. Walau bagaimanapun, bonus tidak akan diberikan kepada pegawai atau kakitangan di bawah skim LDPSL disepanjang tempoh mengikuti program latihan/kursus/pengajian

#### 3.1.2 Elaun Sara Hidup (ESH)

Bagi Elaun Sara Hidup dibayar secara 'lump sum' dengan menggabungkan kesemua bayaran elaun sara hidup, elaun tempat tinggal dan elaun perjalanan. Kadar ESH adalah seperti berikut:-

Nama Negara	Kadar Elaun Sara Hidup (sebulan – 30 hari)
Amerika Syarikat	USD 2,800.00
Australia	AUD 3,600.00
Eropah	EURO 2,500.00
Malaysia	RM 8,000.00
Mesir	EGP 22,100.00
Singapura	SGD 3,400.00
New Zealand	NZD 4,180.00
United Kingdom	GBP 2,000.00

Senarai penuh Kadar Pemberian ESH adalah seperti di dalam jadual di **LAMPIRAN 3**.

Bagi negara-negara yang tidak dinyatakan kadar pemberian Elaun Sara Hidup di atas, kadar ESH adalah tertakluk kepada pertimbangan dan ketetapan BMLDP dengan mengambilkira tahap taraf hidup sesebuah negara yang dipohonkan dari masa ke semasa.



### 3.1.3 Elaun Buku

Dihulurkan sekali setiap tahun di awal tahun akademik bagi pembelian buku-buku rujukan pengajian.

- 3.1.3.1 Bagi program latihan / kursus / pengajian peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) dan kepakaran (atau sebanding) - tuntutan sehingga B\$400.00 setahun;
- 3.1.3.2 Bagi program latihan / kursus / pengajian Ijazah Sarjana Muda/Ijazah Pertama (atau sebanding) dan Ijazah Sarjana (atau sebanding) – tuntutan sehingga B\$200 setahun; dan
- 3.1.3.3 Bagi program latihan / kursus / pengajian HND (atau sebanding) dan kursus yang tidak kurang dari setahun, tuntutan boleh dibuat sehingga B\$100 setahun;

### 3.1.4 Elaun Pakaian

- 3.1.4.1 Diberikan sebanyak B\$500.00 sekali sahaja dalam satu (1) tempoh pengajian bagi kursus di negara-negara bermusim sejuk. Walau bagaimanapun, elaun sama tidak dihulurkan bagi kursus pendek yang berjalan bukan di dalam musim sejuk; dan
- 3.1.4.2 Pegawai yang telah diberi Elaun Pakaian di bawah Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 25/1984 hanya akan layak dibayar elaun pakaian selepas tiga (3) tahun dari tarikh pemberian.

### 3.1.5 Elaun Bantuan Projek

Kadar elaun ini diberikan mengikut peringkat kursus seperti berikut:

- 3.1.5.1 Bagi peringkat kursus Doktor Falsafah (Ph.D) atau Profesional (atau sebanding) tidak melebihi B\$500 sekali bagi satu (1) tempoh pengajian untuk menampung perbelanjaan penyediaan projek, *dissertation* atau *thesis*;
- 3.1.5.2 Bagi peringkat kursus Ijazah Sarjana (Masters) ke bawah (atau sebanding) tidak melebihi B\$200 sekali bagi satu (1) tempoh pengajian.



### 3.1.6 Perbelanjaan Akademik

- 3.1.6.1 Yuran utama program latihan / kursus / pengajian berasaskan tuntutan rasmi daripada institusi pengajian;
- 3.1.6.2 Mana-mana yuran tambahan bagi program latihan / kursus / pengajian atau program rasmi termasuk 'field trip' yang tidak termasuk dalam yuran akademik program latihan / kursus / pengajian, bolehlah dipohonkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk pertimbangan; dan
- 3.1.6.3 Kesemua pembayaran ini adalah terus dibuat kepada institusi yang mengendalikan program latihan / kursus / pengajian tersebut.

### 3.1.7 Perbelanjaan Rawatan Perubatan

- 3.1.7.1 Bagi perbelanjaan rawatan perubatan dikekalkan bagi perbelanjaan rawatan perubatan pegawai termasuk bersalin, pergigian (tidak termasuk 'braces', 'scaling', gigi palsu, 'bridges', 'porcelain gold' atau 'crown') dan kecemasan yang diperlukan oleh Pusat Kesihatan yang diakui;
- 3.1.7.2 Perbelanjaan bagi insuran perubatan pegawai jika berkenaan juga dihulurkan melalui tuntutan yang disahkan.

### 3.1.8 Tambang Pelayaran

- 3.1.8.1 Tambang perjalanan pergi / balik bagi semua peringkat pegawai / kakitangan diberikan pada kadar tiket termurah Kelas Ekonomi;
- 3.1.8.2 Bagi pegawai dan kakitangan yang mengikuti program latihan/kursus/pengajian yang melebihi tempoh dua (2) tahun, tambang perjalanan pergi/balik akan dihulurkan pada setiap dua (2) tahun sahaja.

### 3.1.9 Elaun Pelayaran

Elaun ini diberikan bagi persinggahan yang diluar dugaan disebabkan perkara-perkara yang berpatut di dalam perjalanan pergi/balik. Elaun ini dapat dipohonkan mengikut tuntutan sahaja sebanyak B\$150 bagi semua pegawai/kakitangan yang menjalani LDPSL.



- 3.1.9.1 Satu (1) hari sebelum dan satu hari selepas mengikuti program latihan / kursus / pengajian bagi tempoh perjalanan dan *transit* yang kurang daripada 12 jam;
- 3.1.9.2 Dua (2) hari sebelum dan dua (2) hari selepas menghadiri program latihan / kursus / pengajian bagi tempoh perjalanan dan *transit* melebihi dua belas (12) jam dan kurang daripada 24 jam;
- 3.1.9.3 Tiga (3) hari sebelum dan tiga (3) hari selepas menghadiri program latihan / kursus / pengajian bagi tempoh perjalanan dan *transit* melebihi 24 jam.

#### 3.1.10 Elaun Pengangkutan

Elaun Pengangkutan diberikan kepada pegawai / kakitangan sekali dalam sesi program latihan / kursus / pengajian seperti berikut:

- 3.1.10.1 Bagi perjalanan dari Lapangan Terbang ke tempat pengajian semasa ketibaan di negara tempat pengajian/lapangan terbang setelah tamat pengajian dihulurkan seperti kadar di **LAMPIRAN 4**;
- 3.1.10.2 Elaun pengangkutan tidak akan diberikan kepada pegawai / kakitangan jika kemudahan pengangkutan *airport transfer* disediakan oleh pihak penganjur;
- 3.1.10.3 Walau bagaimanapun, kemudahan pengangkutan boleh disediakan oleh pihak Suruhanjaya Tinggi / Kedutaan Besar / Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri, jika dipohonkan melalui Kementerian atau Jabatan atas sebab-sebab keselamatan di mana kos pengangkutan akan dikenakan kepada pegawai / kakitangan yang berkenaan.

#### 3.1.11 Penghantaran Balik Barang-Barang Peribadi Setelah Tamat Program Latihan/Kursus/Pengajian

- 3.1.11.1 Pegawai / kakitangan dihulurkan wang tunai pada kadar B\$1,000.00 seorang bagi penghantaran barang-barang peribadi setelah menamatkan program latihan / kursus / pengajian.



- 3.1.11.2 Pegawai / kakitangan hendaklah menguruskan sendiri penghantaran barang-barang peribadi mereka untuk dihantar balik ke Negara Brunei Darussalam setelah menamatkan program latihan / kursus / pengajian.
- 4.0 Mengikuti Program Latihan Kerja (*Work Training*) Di Agensi-Agenzi Kerajaan / Swasta Di Luar Negara, atau Mengikuti Program Latihan / Kursus / Pengajian Yang Ditaja Oleh Penganjur Atau Badan Lainnya:**

**4.1 Perbezaan Kemudahan**

Pegawai/kakitangan yang dibawah Skim LDPSL yang menjalani program latihan kerja di agensi-agensi Kerajaan atau Swasta atau mengikuti program latihan/ kursus/ pengajian yang ditaja oleh pihak penganjur atau badan yang lain juga diberikan kemudahan dan keistimewaan. Mereka dikehendaki membuat deklarasi jumlah gaji dan elaun yang mereka terima daripada agensi-agensi tersebut bertujuan untuk menentukan kadar kemudahan yang akan dihulurkan oleh Kerajaan. Antara lain kemudahan-kemudahan yang diberikan adalah seperti berikut:

**4.1.1 Bagi pegawai / kakitangan yang menjalani program latihan kerja di agensi-agensi Kerajaan dan Swasta:**

Jika gaji yang diterima adalah pada kadar jumlahnya berkurangan daripada kadar Elaun Sara Hidup yang ditetapkan, perbezaannya sahaja yang akan dihulurkan.

**4.1.2 Bagi pegawai/kakitangan yang menjalani program latihan / kursus / pengajian yang ditaja oleh pihak penganjur dan badan lain:**

4.1.2.1 Pegawai / kakitangan yang menerima biasiswa latihan daripada sebuah pertubuhan yang dibenarkan oleh Kerajaan akan menerima gaji penuh di Negara Brunei Darussalam, kecuali bonus disepanjang tempoh berkursus yang dibenarkan. Bagi pegawai / kakitangan yang disediakan tempat tinggal sahaja oleh pihak penganjur akan dihulurkan Elaun Sara Hidup pada kadar setengah dari jumlah kadar yang ditetapkan mengikut kumpulan Negara-negara yang disenaraikan.



- 4.1.2.2 Pegawai / kakitangan yang disediakan tempat tinggal dan diberikan Elaun Sara Hidup pada kadar yang berkurangan dari kadar setengah dari jumlah kadar yang ditetapkan, pemberian Elaun Sara Hidup akan diberikan mengikut perbezaannya sahaja.
- 4.1.2.3 Pegawai / kakitangan juga akan dibayar mana-mana kemudahan di bawah Skim LDPSL yang tidak termasuk di dalam kemudahan latihan kerja dan biasiswa berkenaan.

## 5.0 Gagal Menamatkan Pengajian Program Latihan / Kursus / Pengajian Mengikut Tempoh Asal Yang Dibenarkan

Pegawai / kakitangan yang gagal menamatkan program latihan / kursus / pengajian mereka mengikut tempoh asal yang dibenarkan oleh Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan, jika pegawai / kakitangan tersebut memerlukan tempoh tambahan bagi meneruskan program tersebut, mereka hendaklah menghadapkan permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk pertimbangan Badan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan. Jika dibenarkan untuk meneruskan program latihan / kursus / pengajian tersebut, mereka dihulurkan kemudahan seperti berikut:

### 5.1 Perubahan Skim:

Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh akan diubah kepada Skim Cuti Belajar;

### 5.2 Gaji dan Bonus:

Gaji penuh diberikan dan bonus tidak akan diberikan seperti di para 3.1.1, di sepanjang tempoh program latihan / kursus / pengajian yang dibenarkan;

### 5.3 Elaun Sara Hidup:

Elaun Sara Hidup ditiadakan sepanjang tempoh tambahan yang dibenarkan bagi mengikuti program latihan / kursus / pengajian;

### 5.4 Elaun Pakaian:

Elaun Pakaian ditiadakan sepanjang tempoh tambahan yang dibenarkan bagi mengikuti program latihan / kursus / pengajian;



#### **5.5 Perbelanjaan Akademik:**

Kerajaan membiayai Yuran Kursus sahaja, mengikut kadar yang dituntut oleh institusi pengajian di mana pegawai / kakitangan mengikuti program latihan / kursus / pengajian;

#### **5.6 Rawatan Perubatan:**

Kerajaan akan membayar Perbelanjaan Rawatan Perubatan mengikut yang terkandung di para 3.1.7 (3.1.7.1 dan 3.1.7.2);

#### **5.7 Tambang Pelayaran:**

Kerajaan membiayai perbelanjaan bagi Tambang Pelayaran pegawai / kakitangan mengikut kadar yang berikan di para 3.1.8 (3.1.8.1 dan 3.1.8.2);

#### **5.8 Penghantaran Barang-Barang Peribadi:**

Kerajaan memberikan wang tunai kepada setiap seorang pegawai / kakitangan pada kadar yang ditetapkan di para 3.1.11 (3.1.11.1 dan 3.1.11.2) setelah menamatkan program latihan / kursus / pengajian.

### **6.0 Peraturan-Peraturan Lain**

#### **6.1 Meninggalkan Negeri Tempat Berkursus**

6.1.1 Pegawai / kakitangan hendaklah mendapatkan kebenaran daripada institusi di mana pegawai / kakitangan tersebut mengikuti program latihan / kursus / pengajian dan memaklumkan kepada Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam di negara tempat pengajian.

### **7.0 Perlaksanaan**

7.1 Peraturan baru ini dikhurasukan untuk permohonan baru sahaja iaitu permohonan-permohonan yang dipertimbangkan bagi sesi akademik yang bermula pada 2017/2018 dan seterusnya.



- 7.1.1 Pegawai-pegawai yang sedang menjalani kursus di seberang laut di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 10/2006 adalah tidak terjejas. Syarat-syarat, kemudahan-kemudahan serta elaun-elaun adalah mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 10/2006.
- 7.1.2 Surat Keliling LDPSL baru ini hendaklah digunakan oleh semua warga Perkhidmatan Awam termasuk Biro Mencegah Rasuah, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Penyelidikan Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Pasukan Polis Diraja Brunei.
- 7.1.3 Anggota Angkatan Bersenjata Di-Raja Brunei dan Pasukan Simpan Gurkha adalah dinaishatkan untuk menggunakan peraturan-peraturan dalam Surat Keliling ini dalam menyediakan kemudahan-kemudahan ke atas pegawai / kakitangan yang mengikuti program berupa latihan jangka panjang, program latihan kerja di agensi-agensi kerajaan dan swasta, dan program yang ditaja oleh penganjur atau badan lain.
- 7.1.4 Badan berkanun seperti di **LAMPIRAN 5** adalah dinaishatkan untuk menggunakan dan merujuk peraturan-peraturan dalam Surat Keliling ini dalam menyediakan kemudahan-kemudahan ke atas pegawai-pegawai / kakitangan yang mengikuti program latihan/kursus/pengajian berupa latihan jangka panjang, program latihan kerja di agensi-agensi kerajaan dan swasta, dan program yang ditaja oleh penganjur atau badan lain.

8.0 Pindaan Surat Keliling ini adalah **berkuatkuasa mulai 1hb. Jun 2017**.



Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

*"Keluargaku, Harapanku"*

  
(HAJI NAZMI BIN HAJI MOHAMAD)  
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri  
Istana Nurul Iman  
Bandar Seri Begawan BA1000  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : ( 6 ) JPM/SK 2017  
Tarikh : 23 Sya'ban 1438  
20 Mei 2017



KETUA PENGARAH  
PERKHIDMATAN AWAM

### **KRITERIA-KRITERIA AM PEGAWAI TERBAIK SEBAGAI PANDUAN SAHAJA**

Kriteria pegawai terbaik perlu diberikan butiran untuk membantu Kementerian/ Jabatan membuat sokongan. Bila mana kriteria-kriteria tidak dapat dipenuhi sepenuhnya, pertimbangan boleh dibuat kepada pegawai-pegawai yang hampir terbaik.

Di antara kriteria-kriteria pegawai terbaik:

1. Mempunyai kelulusan dengan pangkat tinggi kepujian (honours) yang mencerminkan potensi tinggi kebolehan untuk mengikuti dengan jaya mengikuti program latihan/ kursus/ pengajian ditahap lebih tinggi dan mudah untuk diterima oleh institusi ‘par excellence’.
2. Mempunyai prestasi yang menunjukkan:
  - i. Pemahaman tinggi dan mendalam mengenai kerja dan bidang tugas;
  - ii. Kebolehan dan kemahiran mengadaptasi kepada keperluan dan situasi kerja yang ‘demanding’;
  - iii. Potensi tinggi didalam kebolehan mengetuai kumpulan kerja berhasil;
  - iv. Disiplin dan etika kerja yang konsisten;
  - v. Kebolehan tinggi berkomunikasi;
  - vi. Kebolehan inovasi dan usaha proaktif.
3. Matang dan dapat menghayati sepenuhnya visi dan misi Negara serta peranan Kementerian/ Jabatan didalam mencapai matlamat Negara.
4. Mempunyai sikap dan pendekatan progresif.
5. Mempunyai rekod perkhidmatan bersih dari rasuah, tindakan tatatertib dan jenayah.

**JADUAL TEMPOH IKATJANJI (BOND)**

TEMPOH KURSUS	TEMPOH IKATJANJI (BOND)
Kurang daripada empat (4) bulan	1 tahun
Empat (4) bulan hingga kurang daripada lapan (8) bulan	2 tahun
Lapan (8) bulan hingga kurang daripada satu (1) tahun	3 tahun
Satu (1) tahun hingga kurang daripada dua (2) tahun	5 tahun
Dua (2) tahun hingga kurang daripada tiga (3) tahun	7 tahun
Tiga (3) tahun hingga kurang daripada empat (4) tahun	9 tahun
Empat (4) tahun hingga kurang daripada lima (5) tahun	11 tahun
Lima (5) tahun hingga kurang daripada enam (6) tahun	13 tahun
Enam (6) tahun hingga kurang daripada tujuh (7) tahun	15 tahun
Tujuh (7) tahun hingga kurang daripada lapan (8) tahun	17 tahun

**KADAR ELAUN SARA HIDUP DI NEGARA-NEGARA  
YANG MENJADI PILIHAN UTAMA**

<b>Nama Negara</b>	<b>Kadar Elaun Sara Hidup</b>
a. Amerika Syarikat	USD 2,800.00
b. Australia	AUD 3,600.00
c. <u>Negara Eropah:</u>  Austria, Belgium, Czech Republic, Denmark, Finland, Germany, Hungary, Ireland, Italy, Luxembourg, Netherlands, Portugal, Spain, Sweden, Bulgaria, Cyprus, Estonia, Greece, Latvia, Lithuania, Malta, Poland dan Romania.	EURO 2,500.00
d. Jepun	JPY 311,600.00
e. Jordan	JOD 1,700.00
f. Korea Selatan	KRW 3,203,400.00
g. Malaysia	RM 8,000.00
h. Mesir	EGP 22,100.00
i. New Zealand	NZD 4,180.00
j. Saudi Arabia	SAR 10,200.00
k. Singapura	SGD 3,400.00
l. United Kingdom	GBP 2,000.00

**LAMPIRAN 4**

<b>NEGERI</b>	<b>ELAUN PENGANGKUTAN (LAPANGAN TERBANG KE TEMPAT PENGAJIAN DAN TEMPAT PENGAJIAN KE LAPANGAN TERBANG)</b>
AFGANISTAN	200
ALBANIA	200
ALGERIA	200
AMERICAN SAMOA	200
ANGOLA	200
ANTIGUA	200
ARGENTINA	200
ARMENIA	200
AUSTRALIA	300
AUSTRIA	300
AZERBAIZAN	300
BAHAMAS	200
BAHRAIN	200
BANGLADESH	200
BARBADOS	200
BARBUDA	200
BELARUS	200
BELGIUM	300
BELIZE	200
BENIN	200
BERMUDA	200
BHUTAN	200
BOLIVIA	200
BOTSWANA	200
BRITISH VIRGIN ISLANDS	200
BRAZIL	200
BULGARIA	200
BURUNDI	200
CAMBODIA	200
CAMEROON	200
CANADA	300
CAPE VERDA	200
CAYMAN ISLAND	200
CENTRAL AFRICAN REPUBLIC	200
CHAD	200
CHILE	200
CHINA	300
COLOMBIA	200
CONGO	200
COOK ISLANDS	200
COMOROS	200
COSTA RICA	200
CYPRUS	200
CZECH REPUBLIC	300
DENMARK	300
DJIBOUTI	200
DOMINICA	200
DOMINICAN REPUBLIC	200

**LAMPIRAN 4**

<b>NEGERI</b>	<b>ELAUN PENGANGKUTAN (LAPANGAN TERBANG KE TEMPAT PENGAJIAN DAN TEMPAT PENGAJIAN KE LAPANGAN TERBANG)</b>
ECUADOR	200
EGYPT	200
EL SALVADOR	200
EQUATORIAL GUINEA	200
ESTONIA	200
ETHIOPIA	200
FIJI	200
FINLAND	300
FRANCE	300
FRENCH GUIANA	200
GABON	200
GAMBIA	200
GERMANY	300
GHANA	200
GREECE	200
GRENADA	200
GUADELOUPE	200
GUAM	200
GUATEMALA	200
GUINEA	200
GUINEA-BISSAU	200
GUYANA	200
HAITI	200
HONDURAS	200
HONGKONG	300
HUNGARY	300
ICELAND	300
INDIA	200
INDONESIA	200
IRAN	200
IRAQ	200
IRELAND	300
ITALY	300
JAMAICA	200
JAPAN	300
JORDAN	200
KAZAKHSTAN	200
KENYA	200
KIRIBATI	200
KOREA, SOUTH	300
KUWAIT	200
KYRGYSTAN	200
LAO PEOPLE'S DEMOCRATIC REPUBLIC	200
LATVIA	200
LEBANON	200
LESOTHO	200
LIBERIA	200
LIBYAN ARAB JAMAHIRIYA	200

**LAMPIRAN 4**

<b>NEGERI</b>	<b>ELAUN PENGANGKUTAN (LAPANGAN TERBANG KE TEMPAT PENGAJIAN DAN TEMPAT PENGAJIAN KE LAPANGAN TERBANG)</b>
LITHUANIA	200
LUXEMBOURG	300
MACAO	200
MADAGASCAR	200
MALAWI	200
MALAYSIA	200
MALDIVES	200
MALI	200
MALTA	200
MARTINIQUE	200
MAURITANIA	200
MAURITIUS	200
MEXICO	200
MOLDOVA, REPUBLIC OF	200
MONACO	300
MONGOLIA	200
MONTSERRAT	200
MOROCCO	200
MOZAMBIQUE	200
MYANMAR	200
NAMIBIA	200
NAURU	200
NEPAL	200
NETHERLANDS	300
NETHERLANDS ANTILLES	300
NEW CALEDONIA	200
NEW ZEALAND	300
NICARAGUA	200
NIGER	200
NIGERIA	200
NIUE	200
NORWAY	300
OMAN	200
PAKISTAN	200
PANAMA	200
PAPUA NEW GUINEA	200
PARAGUAY	200
PERU	200
PHILIPPINES	200
POLAND	200
PORTUGAL	300
PUERTO RICO	200
QATAR	200
REUNION	200
ROMANIA	200
RUSSIAN/FEDERATION	300
RWANDA	200
SAMOA	200

**LAMPIRAN 4**

<b>NEGERI</b>	<b>ELAUN PENGANGKUTAN (LAPANGAN TERBANG KE TEMPAT PENGAJIAN DAN TEMPAT PENGAJIAN KE LAPANGAN TERBANG)</b>
SAO TOME & PRINCIPE	200
SAUDI ARABIA	200
SENEGAL	200
SEYCHELLES	200
SIERRA LEONE	200
SINGAPORE	200
SOLOMON ISLANDS	200
SOMALIA	200
SOUTH AFRICA	200
SPAIN	300
SRI LANKA	200
ST KITTS/NEVIS	200
ST LUCIA	200
ST VINCENT	200
SUDAN	200
SURINAME	200
SWAZILAND	200
SWEDEN	300
SWITZERLAND	300
SYRIAN ARAB REPUBLIC	200
TAHITI	300
TAIWAN	300
TAJIKISTAN	200
TANZANIA, REPUBLIC OF	200
THAILAND	200
TOGO	200
TONGA	200
TRINIDAD & TOBAGO	200
TRUST TERRITORY OF THE PACIFIC ISLANDS	200
TUNISIA	200
TURKEY	200
TURKMENISTAN	200
TURKS & CAICOS ISLAND	200
TUVALU	200
UGANDA	200
UKRAINE	300
UNITED ARAB EMIRATES	300
UNITED KINGDOM	300
UNITED STATES OF AMERICA	300
URUGUAY	200
US VIRGIN ISLANDS	200
UZBEKISTAN	200
VANUATU	200
VENEZUELA	200
VIETNAM	200
WALLIS ISLAND	200
YEMEN, REPUBLIC OF	200
YUGOSLAVIA	200

## LAMPIRAN 4

<b>NEGERI</b>	<b>ELAUN PENGANGKUTAN (LAPANGAN TERBANG KE TEMPAT PENGAJIAN DAN TEMPAT PENGAJIAN KE LAPANGAN TERBANG)</b>
ZAIRE	200
ZAMBIA	200
ZIMBABWE	200

**SENARAI BADAN-BADAN BERKANUN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB)  
*Brunei Economic Development Board (BEDB)*
2. Institut Penyelidikan Tenaga Kebangsaan Brunei  
*Brunei National Energy Research Institute (BNERI)*
3. Pusat Strategik dan Kajian Dasar  
*Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS)*
4. Pihak berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam  
*Authority for Info-Communications Technology Industry (AITI)*
5. Agensi Pelaburan Brunei  
*Brunei Investment Agency (BIA)*
6. Tabung Amanah Pekerja  
*Employees' Trust Fund (TAP)*
7. Autoriti Monetari Brunei Darussalam  
*Authority Monetary Brunei Darussalam (AMBD)*
8. *Brunei Depository Protection Corporation (BDPC)*
9. University of Brunei Darussalam (UBD)
10. University Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
11. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB)
12. Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB)
13. Institute of Brunei Technical Education (IBTE)
14. Polytechnic Brunei (PTB)
15. Pihak Berkuasa Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan  
*Authority Building Control Industry (ABCI)*
16. Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB)